

# **KENYATAAN MEDIA**

## ***MAJLIS MERAIKAN PARA PENYUMBANG MALAM WARTAWAN MALAYSIA 2023***

Disediakan oleh :



16 Mei 2023

## **KENYATAAN MEDIA**

### **38 ORGANISASI PENYUMBANG MALAM WARTAWAN MALAYSIA 2023 (MWM 2023) DIRAIKAN**

**Cyberjaya, 16 Mei 2023** – Bersempena Malam Wartawan Malaysia (MWM) yang bakal berlangsung pada 9 Jun 2023 di Hotel The Majestic Kuala Lumpur, Malaysian Press Institute (MPI) sekali lagi mengadakan satu majlis bagi meraikan para penyumbang MWM pada hari ini.

Majlis yang bertujuan untuk meraikan sokongan para penaja MWM yang senantiasa menyokong acara tahunan MPI ini dihadiri seramai 120 orang tetamu yang mewakili 38 organisasi korporat dan agensi kerajaan.

Pada majlis ini, 34 orang wakil dari organisasi korporat dan agensi kerajaan telah menyerahkan replika cek sebagai simbolik sumbangan bagi menjayakan penganjuran Malam Wartawan Malaysia 2023 ini.

PETRONAS masih kekal sebagai penaja utama Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM) dengan nilai tajaan RM 300,000.00 yang diperuntukkan untuk para pemenang Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-PETRONAS 2022 (HKM 2022). Untuk rekod, PETRONAS telah menjadi penaja utama HKM sejak tahun 1994 sehingga kini.

Pada majlis meraikan penyumbang ini, DRB-Hicom Berhad adalah penyumbang tertinggi bagi penganjuran Majlis Malam Wartawan Malaysia 2023 dengan nilai sumbangan kewangan berjumlah RM 40,000.00 diikuti Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Tourism Malaysia masing-masing dengan nilai sumbangan RM 20,000.00.

Secara kolektif, MPI telah menerima sumbangan dan tajaan kewangan berjumlah RM 475,000.00 dari 45 organisasi korporat, agensi kerajaan, kerajaan Negeri, YB Menteri dan organisasi media bagi menjayakan penganjuran Malam Wartawan Malaysia 2023 ( MWM 2023 ) yang bakal dihadiri oleh 750 orang tetamu.

### **Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI Petronas ( HKM 2022 )**

Bagi penyertaan HKM 2022, MPI telah menerima 386 penyertaan dari kalangan pengamal media Malaysia bagi 17 kategori yang dipertandingkan.

44 organisasi media telah mengemukakan penyertaan masing-masing mewakili Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Terdapat peningkatan sebanyak 9.33 % dari segi penyertaan pada tahun 2022 berbanding tahun lepas.

*Dikeluarkan pada: 16 Mei 2023*

**Ucapan alu-aluan Pengerusi Malam Wartawan Malaysia 2023 (MWM 2023)  
Datuk Dr. Chamil Wariya pada majlis meraikan penaja dan penyumbang MWM  
2023 di Hotel Majestic Kuala Lumpur, jam 1130 pagi pada 16 Mei 2023**

**PENGENALAN**

Assalamualaikum, salam sejahtera dan selamat datang ke majlis meraikan para penyumbang dan penaja Malam Wartawan Malaysia 2023 dan Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI PETRONAS 2022.

Tentunya pertama-tama saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita berada di hotel ini pada pagi ini bagi menzahirkan penghargaan Malaysian Press Institute (MPI) atas sokongan dan dokongan yang anda berikan dalam menjayakan program tahunan yang pertama kali dianjurkan pada tahun 1981.

Keduanya, oleh kerana kita masih berada di bulan Syawal walaupun di penghujungnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Anggaplah majlis pagi ini juga sebagai rumah terbuka anjuran MPI. Cuma kehadirannya kita hadkan kepada para tetamu yang ada, selain para wartawan yang membuat liputan.

Insyallah Malam Wartawan Malaysia 2023 akan berlangsung pada 9 Jun depan di hotel yang sama. Lebih 700 tetamu, sebahagian besar para pengamal media, para pengamal komunikasi korporat dan perhubungan awam dijangka hadir untuk memeriahkan malam tersebut.

## **TERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN DAN TAJAAN**

Saya difahamkan hari ini seramai 120 orang tetamu mewakili 38 organisasi korporat dan agensi kerajaan yang telah menyatakan persetujuan untuk menjayakan Malam Wartawan Malaysia 2023 hadir untuk menyerahkan sumbangan masing-masing sebentar lagi.

Secara kolektif bagi tahun 2023 ini, MPI telah menerima sumbangan bernilai RM475,000. Itu tidak termasuk sebanyak RM300,000 yang kami terima dari PETRONAS selaku penaja hadiah wang tunai kepada para pemenang HKM MPI PETRONAS 2022.

Sumbangan-sumbangan yang MPI terima itu ada yang dalam bentuk pembelian meja bernilai RM40,000, RM20,000, RM10,000 dan RM7,500 dan bukan pembelian meja dalam bentuk sumbangan kewangan.

Antara kalangan yang telah menghulurkan sumbangan ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Kerajaan Negeri Sabah, Menteri Pengajian Tinggi dan New Sarawak Tribune.

Selain itu, 5 organisasi media tampil menjadi penaja, menjadikan bilangan penaja keseluruhannya sebanyak 45. Terdapat juga 7 organisasi korporat dan sebuah yayasan yang buat pertama kalinya memberi sumbangan dan tajaan bagi menjayakan Malam Wartawan Malaysia 2023.

Kepada semua penaja dan penyumbang – lama dan baharu – saya merakamkan jutaan terima kasih atas kesudian dan keikhlasan anda.

Insyallah setiap sen yang disumbangkan amat bernilai kepada kami di MPI dan amat kami hargai. Semua kutipan tersebut, seperti tahun-tahun sebelumnya akan digunakan untuk menjayakan satu majlis yang bertujuan untuk mengiktiraf kerja-kerja terbaik dalam dunia kewartawan – di alam nyata dan di alam maya sesuai dengan landskap baharu media di negara ini.

Senarai lengkap penyumbang dan penaja serta kuantum tajaan masing-masing akan diumumkan sebentar lagi apabila mereka dipersilakan naik ke pentas untuk menyerahkan cek replika masing-masing.

Sekali lagi terima kasih semua.

## **TAJAJAN PETRONAS**

Seperti yang kita tahu, Malam Wartawan Malaysia, adalah program tahunan anjuran MPI yang pertama kali kita adakan pada 16 September 1981 untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang Hadiah Kewartawanan Malaysia yang mula diperkenalkan pada tahun 1980 iaitu 43 tahun yang lalu.

MPI bertuah kerana telah menganjurkan program tahunan ini secara berterusan selama lebih empat dekad.

Sekiranya penganjuran Malam Wartawan Malaysia dijayakan secara pembelian meja dan sumbangan ikhlas oleh badan korporat dan agensi kerajaan, Hadiah Kewartawanan Malaysia pula ditaja oleh Malayan Tobacco Company (MTC), antara 1980 hingga 1993 dan mulai 1994 hingga sekarang, penaja tunggal HKM adalah Petroliam Nasional Berhad atau PETRONAS.

Kuantum tajaan PETRONAS pada mulanya adalah sebanyak RM70,000 setahun, pada 2005 dinaikkan menjadi RM100,000 dan pada 2009 hingga sekarang jumlahnya menjadi RM300,000 setahun, membolehkan para pemenang 17 kategori HKM menerima ganjaran yang lumayan.

Terima kasih PETRONAS, yang pada majlis pagi ini diwakili oleh Pengurus Besar Kanan Komunikasi Strategiknya, Datin Anita Azrina binti A. Aziz atas tajaan berterusan syarikat haidro karbon negara itu.

## **HKM 2022**

Izinkan saya menyentuh serba ringkas mengenai penyertaan HKM MPI PETRONAS 2022 yang para pemenang bagi 17 kategori yang dipertandingkan akan diumumkan pada Malam Wartawan Malaysia 2023 pada 9 Jun nanti.

Secara keseluruhannya, pihak urus setia telah menerima 386 penyertaan bagi HKM 2022. Terdapat pertambahan 33 penyertaan berbanding HKM 2021. Antara kategori yang mengalami peningkatan bilangan penyertaan adalah kategori Infografik Terbaik dengan

pertambahan 19 penyertaan iaitu 31 penyertaan, kategori Rencana Cemerlang dengan kenaikan 12 penyertaan iaitu 50 penyertaan, serta kategori Wartawan Muda A. Samad Ismail dengan peningkatan 11 penyertaan iaitu 31 penyertaan. Kategori Tokoh Wartawan Negara dan Tokoh Media meningkat kepada 1 penyertaan setiap kategori.

Sebanyak 44 organisasi media bersaing untuk memenangi hadiah-hadiah utama HKM 2022 iaitu Hadiah Kajai dengan nilai wang hadiah RM 30,000 serta hadiah emas RM 10,000 bagi 15 kategori. Ditawarkan juga hadiah perak bernilai RM 1,500 dan hadiah gangsa RM 1,000.

NSTP dan BERNAMA merupakan dua pertubuhan berita yang agresif menghantar penyertaan iaitu 61 penyertaan dari NSTP, manakala BERNAMA dengan 58 penyertaan.

#### Perbandingan bilangan penyertaan HKM 2021 & 2020

Kategori	2022	2021	↑ / ↓	+ / -	%
Hadiah Wartawan Muda A. Samad Ismail	30	19	↑	11	57.89
Laporan Berita Cemerlang	27	33	↓	-6	-18.18
Kewartawanan Penyiasatan Cemerlang	15	12	↑	3	25.00
Penulisan Rencana Cemerlang	50	38	↑	12	31.58
Penulisan Kolum/ Rencana Pengarang Cemerlang	26	21	↑	5	23.81
Kewartawanan Alam Sekitar Cemerlang - PETRONAS	14	23	↓	-9	-39.13
Kewartawanan Multimedia Cemerlang	11	6	↑	5	83.33
Kewartawanan Foto Cemerlang	38	46	↓	-8	-17.39
Esei Foto Cemerlang	21	24	↓	-3	-12.50
Berita Video Terbaik	57	57		0	0.00
Dokumentari Video Terbaik	34	24	↑	10	41.67
Infografik Terbaik	31	12	↑	19	158.33
Desain Halaman Pertama Terbaik	10	9	↑	1	11.11
Laporan Radio Terbaik	19	24	↓	-5	-20.83
Anugerah Khas	1	2	↓	-1	-100.00
Tokoh Wartawan Negara	1	0		1	0
Tokoh Media	1	0		1	0
	386	350	↑	36	9.33%

## **PENUTUP**

Sebelum saya berundur, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan mendalam dan tulus ikhlas MPI kepada semua penyumbang dan penaja Malam Wartawan Malaysia 2022, baik yang hadir pada hari ini dan yang juga kepada yang tidak dapat hadir atas sebab-sebab tertentu.

Terima kasih dipanjangkan kepada PETRONAS atas penajaan HKM yang sudah memasuki tahun ke-30.

Budi baik anda akan kami catat dalam tinta emas sejarah MPI buat selama-lamanya. Hanya Allah SWT yang dapat membalas budi baik anda.

Terima kasih.



<b>Jumlah Penyertaan Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-PETRONAS 2022</b>	
<b>Kategori</b>	<b>Bilangan Penyertaan</b>
Hadiah Wartawan Muda A. Samad Ismail	30
Laporan Berita Cemerlang	27
Kewartawanan Penyiasatan Cemerlang	15
Penulisan Rencana Cemerlang	50
Penulisan Kolum/ Rencana Pengarang Cemerlang	26
Kewartawanan Alam Sekitar Cemerlang - PETRONAS	14
Kewartawanan Multimedia Cemerlang	11
Kewartawanan Foto Cemerlang	38
Esei Foto Cemerlang	21
Berita Video Terbaik	57
Dokumentari Video Terbaik	34
Infografik Terbaik	31
Desain Halaman Pertama Terbaik	10
Laporan Radio Terbaik	19
Anugerah Khas	1
Tokoh Wartawan Negara	1
Tokoh Media Negara	1
<b>Jumlah</b>	<b>386</b>

## Bilangan penyertaan HKM 2022 mengikut organisasi

Hadiah Wartawan Muda A.Samad Ismail	
Organisasi	Bil. Penyertaan
8TV	1
BERNAMA	2
Dewan Siswa	1
KOSMO!	2
Majoriti	1
Malaysiakini	2
MALAYSIANOW	1
RTM	3
SINAR HARIAN	1
The Star	3
The Vibes	2
TV ALHIJRAH	2
TV3	1
TV3 & TV9	2
TVS	6
	<b>30</b>

Laporan Berita Cemerlang	
Organisasi	Bil. Penyertaan
Berita Harian	1
BERNAMA	3
Harian Metro	4
KOSMO!	2
Majoriti	1
Malaysiakini	1
MALAYSIANOW	1
New Straits Times	2
SINAR HARIAN	2
Suara Sarawak	1
The Star	4
The Vibes	3
Utusan Malaysia	2
	<b>27</b>

Kewartawanan Penyiasatan Cemerlang	
Organisasi	Bil. Penyertaan
Berita Harian	1
BERNAMA	1
Harian Metro	1
KOSMO!	2
Macaranga	1
Malaysiakini	2
MALAYSIANOW	1
MEDIA VARIASI	1
SINAR HARIAN	1
The Star	1
The Vibes	1
Utusan Malaysia	2
	<b>15</b>

Penulisan Rencana Cemerlang	
Organisasi	Bil. Penyertaan
ASTRO AWANI	4
Berita Harian	1
BERNAMA	9
DBP	2
Dewan Budaya	2
KOSMO!	1
Macaranga	1
MALAYSIA NANBAN	1
Malaysiakini	1
New Straits Times	9
RTM	1
See Hua Daily News	1
SELANGORKINI	4
Sin Chew Daily	3
Suara Sarawak	1
The Star	8
The Vibes	1
	<b>50</b>

Penulisan Kolum/Rencana Pengarang Cemerlang	
Organisasi	Bil. Penyertaan
BERNAMA	1
DBP	4
Dewan Bahasa	1
Dewan Kosmik	1
Dewan Sastera	1
Dewan Siswa	1
Harian Metro	6
Malaysiakini	1
New Straits Times	2
Pelita Bahasa	1
SINAR HARIAN	2
Suara Sarawak	1
The Star	2
Utusan Malaysia	2
	<b>26</b>

Kewartawanan Alam Sekitar Cemerlang-PETRONAS	
Organisasi	Bil. Penyertaan
ASTRO AWANI	1
Berita Harian	2
BERNAMA	2
KOSMO!	1
Macaranga	1
MALAYSIA GAZETTE	1
Malaysiakini	2
New Straits Times	1
Sin Chew Daily	2
Utusan Malaysia	1
	<b>14</b>

Kewartawanan Multimedia Terbaik	
Organisasi	Bil. Penyertaan
ASTRO AWANI	1
BERNAMA	2
Malaysiakini	1
MALAYSIANOW	1
RTM	1
SINAR HARIAN	2
The Star	2
TVS	1
	<b>11</b>

Kewartawanan Foto Cemerlang	
Organisasi	Bil. Penyertaan
Berita Harian	3
BERNAMA	11
MALAYSIA GAZETTE	1
Malysiakini	1
New Straits Times	4
NSTP	4
Sin Chew Daily	3
The Star	3
The Vibes	3
TVS	2
Utusan Malaysia	3
	<b>38</b>

Infografik Terbaik	
Organisasi	Bil. Penyertaan
Berita Harian	1
BERNAMA	10
Harian Metro	6
KOSMO!	1
New Straits Times	1
RTM	2
SINAR HARIAN	1
The Star	4
TVS	3
Utusan Malaysia	2
	<b>31</b>

Esei Foto Cemerlang	
Organisasi	Bil. Penyertaan
Berita Harian	1
BERNAMA	4
Harian Metro	1
MALAYSIA GAZETTE	1
Malysiakini	1
MALAYSIANOW	1
New Straits Times	3
NSTP	1
Sin Chew Daily	1
The Star	1
The Vibes	4
Utusan Malaysia	2
	<b>21</b>

Desain Halaman Pertama Terbaik	
Organisasi	Bil. Penyertaan
Berita Harian	2
Harian Metro	2
Majoriti7	1
New Straits Times	1
SINAR HARIAN	1
The Star	1
Utusan Malaysia	2
	<b>10</b>

Berita Video Terbaik	
Organisasi	Bil. Penyertaan
8TV	3
ASTRO AWANI	8
BERNAMA	4
FINAS	10
MALAYSIA GAZETTE	1
MALAYSIANOW	1
RTM	8
The Vibes	1
TV ALHIJRAH	3
TV3	6
TV3 & TV9	1
TV9	2
TVS	9
	<b>57</b>

Laporan Radio Terbaik	
Organisasi	Bil. Penyertaan
BERNAMA RADIO	3
BFM Media	2
BULETIN FM	1
NASIONALfm	3
RTM	8
Selangor FM	2
	<b>19</b>

Dokumentari Video Terbaik	
Organisasi	Bil. Penyertaan
8TV	1
ASTRO AWANI	1
Berita Harian	1
BERNAMA	6
MALAYSIANOW	1
RTM	3
Selangor TV	1
Sin Chew Daily	3
Sinar Daily	1
SINAR HARIAN	3
The Vibes	1
TV ALHIJRAH	2
TV3	10
	<b>34</b>

**PENAJA HADIAH KEWARTAWANAN MALAYSIA MPI – PETRONAS 2022 (HKM 2022)**

**PENAJA : PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS)**

**JUMLAH TAJAAN : RM300,000**

**SENARAI PENYUMBANG KEWANGAN MALAM WARTAWAN MALAYSIA 2023**

**45 organisasi**

**JUMLAH SUMBANGAN : RM475,000**

1. Affin Bank Berhad
2. AmBank Group
3. Bank Islam Malaysia Berhad
4. Bank Muamalat Malaysia Berhad
5. Bank Simpanan Nasional
6. Berita Nasional Malaysia
7. Datasonic Group Berhad
8. DRB-HICOM Berhad
9. Ekuiti Nasional Berhad
10. Export-Import Bank of Malaysia Berhad
11. FGV Holdings Berhad
12. Indah Water Konsortium Sdn Bhd
13. IOI Properties Group Berhad
14. Kerajaan Negeri Sabah
15. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
16. Lembaga Tabung Haji
17. Malaysia Airports Holdings Berhad
18. MBSB Bank Berhad
19. Media Mulia Sdn Bhd
20. Media Prima Berhad
21. New Sarawak Tribune
22. New Straits Times
23. Padi Beras Nasional Berhad
24. Perbadanan Nasional Berhad
25. PLUS Malaysia Berhad
26. Prasarana Malaysia Berhad
27. Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd
28. Public Bank Berhad
29. Putrajaya Holdings Sdn Bhd
30. Ranhill Capital Sdn Bhd
31. Sarawak Metro Sdn Bhd
32. Sime Darby Plantation Sdn Bhd
33. Sinar Karangkrak Sdn Bhd

34. Sunway Group
35. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
36. Suruhanjaya Syarikat Malaysia
37. Tenaga Nasional Berhad
38. Top Glove Corporation Berhad
39. Tourism Malaysia
40. UEM Edgenta Berhad
41. UEM Sunrise Berhad
42. Yayasan Albukhary
43. YB Menteri Pengajian Tinggi
44. YB Timbalan Perdana Menteri I
45. YTL Corporation Corporation Berhad